

29/08/2003

Sejarah buktikan perpaduan asas kekuatan Melayu: TPM

Othman Mamat; Ahmad Ghazali Musa

JOHOR BAHRU: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, orang Melayu boleh mencapai apa juga matlamat perjuangan jika berani, sanggup bersatu padu dan tidak meletakkan kepentingan tertentu di hadapan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, sejarah membuktikan orang Melayu mampu menundukkan kerajaan British yang amat kuat pada masa dulu apabila mereka bersatu padu dan tidak berpuak serta tidak mengamalkan semangat kenegerian.

Menurutnya, kejayaan yang dipelopori Datuk Onn Jaafar dalam mempertahankan tanah air daripada dirampas Inggeris dengan menentang gagasan penubuhan Malayan Union, membuktikan orang Melayu boleh berjaya jika bersatu.

"Pengajaran yang kita dapati daripada perjuangan Datuk Onn ialah, kalau kita berani dan sanggup pula bersatu padu dan berjuang dengan penuh semangat, tidak ada rintangan yang boleh menghalang kita mencapai matlamat perjuangan kita.

"Datuk Onn telah berjaya memecahkan tembok puak pada masa itu selain berjaya memecahkan perbezaan kelompok kecil orang Melayu supaya bersatu padu mempertahankan tanah air.

"Kita adalah satu bangsa, Tanah Melayu adalah tanah air kita dan kita hadapi musuh sama yang mencengkam kita, iaitu penjajah," katanya ketika melancarkan buku Imbasan Peristiwa-Peristiwa Sebelum Kemerdekaan Malaya di sini, semalam.

Selain penulis buku berkenaan, Datuk Mohamed Abid, majlis turut dihadiri Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman; isterinya, Datin Prof Dr Jamilah Ariffin; Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Mohamed Khaled Nordin dan ahli keluarga Allahyarham Datuk Onn.

Mohamed Abid, yang juga cucu Datuk Onn, menulis buku berkenaan berdasarkan pengalaman peribadi mengenai perjuangan datuknya pada peringkat awal penubuhan Umno, termasuk penentangan orang Melayu terhadap gagasan penubuhan Malayan Union.

Datuk Onn adalah tokoh utama dalam perjuangan menentang penjajahan British dan kejayaan paling besarnya ialah menyatupadukan orang Melayu, yang pada ketika itu lebih setia kepada negeri dan raja masing-masing.

Datuk Onn yang dilahirkan di Bukit Gambir di sini pada 1895 adalah tokoh penting politik Melayu yang membawa kepada penubuhan Umno pada 1946. Beliau adalah Yang Dipertua Umno pertama.

Mohamed Abid yang dibesarkan sebagai seorang ahli keluarga terdekat Datuk Onn menjadi saksi yang melihat dan mendengar segala perkembangan dalam kehidupan Allahyarham.

Imbasan Peristiwa-Peristiwa Sebelum Kemerdekaan Malaya adalah terjemahan daripada teks asal berbahasa Inggeris berjudul Reflection of Pre-Independence Malaya, yang ditulis Mohamed Abid atas dorongan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Buku itu dilancarkan Perdana Menteri di Putrajaya 12 Jun lalu.

Abdullah berkata, majlis berkenaan bukan sekadar majlis pelancaran sebuah buku, tetapi bukti generasi hari ini mengenali Datuk Onn daripada sejarah berdasarkan kehadiran mereka pada majlis itu.

"Pendokong dan pencinta perjuangan Umno datang ke sini untuk mengingati seorang pejuang bangsa, hero Melayu Datuk Onn Jaafar," katanya.

Beliau berkata, walaupun Datuk Onn sudah tiada, perjuangannya memberi rahmat kepada umat Melayu apabila Umno yang ditubuhkannya terus mendapat

penyertaan besar mereka pada hari ini.

"Datuk Onn membuktikan bahawa perjuangan pada peringkat awal bukan satu perjuangan yang mudah, malah melalui banyak rintangan dan kesusahan tetapi dari sudut sejarah, banyak pengajaran diperoleh daripada perjuangan Allahyarham.

"Walaupun golongan ditentang itu adalah mereka yang mewakili kerajaan Inggeris, kita tahu berapa gagahnya kerajaan Inggeris pada masa itu, tetapi orang Melayu berjaya menentang (gagasan penubuhan) Malayan Union.

"Ini kerana orang Melayu sayangkan bangsanya, sayang kepada rajanya, sayang kepada negara, dan dengan kejayaan itulah, Umno ditubuhkan dengan mempunyai agenda yang begitu luhur iaitu menuntut kemerdekaan negara," katanya.